

TAHAP KESEDIAAN PELAJAR MELAYU MEMPELAJARI SEJARAH DI SEKOLAH ALIRAN CINA (SRJKC) MENGGUNAKAN BAHASA MANDARIN DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN

LEVEL OF READINESS OF MALAY STUDENTS TO LEARN HISTORY IN CHINESE LANGUAGE SCHOOL (SRJKC) USING MANDARIN AND ITS RELATIONSHIP TO ACHIEVEMENT

Sri Wahyuni Marimun¹

Faculty Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
(Email: QU_sriwahyuni94@yahoo.com, p93799@siswa.ukm.edu.my)

Anuar Ahmad²

Faculty Education, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
(Email: anuarahmadukm@gmail.com)

Received date: 22-06-2019

Revised date: 04-07-2019

Accepted date: 28-08-2019

Published date: 15-09-2019

To cite this document: Marimun, S. W., & Ahmad, A. (2019). Tahap Kesediaan Pelajar Melayu Mempelajari Sejarah di Sekolah Aliran Cina (SRJKC) Menggunakan Bahasa Mandarin dan Hubungannya Dengan Pencapaian. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 93-106.

DOI: 10.35631/ijhpl.27008

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Melayu di Sekolah aliran Cina (SRJKC) dalam mempelajari Sejarah dalam Bahasa Mandarin (Cina). Tahap kesediaan pelajar Melayu di sekolah aliran tersebut dikaji berdasarkan kesediaan (kognitif, afektif, psikomotor) pelajar menerusi aspek fokus pelajar dalam memahami pengajaran guru, komitmen pelajar untuk menguasai isi kandungan pembelajaran dan inisiatif sendiri pelajar mempelajari Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin (Cina) yang juga merupakan bahasa pengantar di sekolah tersebut. Menerusi kajian ini, sampel adalah terdiri daripada 6 orang pelajar Melayu. Pelajar tersebut merupakan pelajar Tahun 6 di sekolah aliran Cina (SRJKC). Kemudian, pendekatan kajian ini bersifat kualitatif. Kaedah kajian seperti temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengumpul data penting kajian. Terbukti dalam kajian ini kesediaan pelajar dalam mempelajari Sejarah sememangnya berkait rapat dengan pencapaian. Dapatkan keseluruhan dari aspek kesediaan pelajar untuk memahami pengajaran guru Sejarah di dalam bilik darjah dan tahap pencapaian pelajar Melayu dalam mata pelajaran Sejarah kedua-dua juga berada di tahap yang sederhana.

Kata Kunci: Kesediaan, Pelajar Melayu, Sekolah Aliran Cina (SRJKC), Sejarah, Pencapaian

Abstract: This study is aimed to find out the level of readiness of Malay students at Chinese School School (SRJKC) in studying History in Chinese (Chinese). The level of readiness of the Malay students in the school is based on students' cognitive, affective, psychomotor readiness through the focus of the students' understanding of teachers' teaching, student commitment to master the content of learning and their own initiative to learn History using Mandarin (Chinese) introduction to the school. Therefore, the sample consists of 6 Malay students. The students are Year 6 students at Chinese school (SRJKC). Then, this research approach is qualitative. Research methods such as interviews, observations and analysis of documents used in this study were aimed at collecting important data of the study. Proven in this study the readiness of students in studying History is always related to achievement. The overall findings of the readiness of students to understand the teaching of History teachers in the classroom and the level of achievement of Malay students in the History subject both are at moderate level.

Keywords: Readiness, Malay Students, Chinese School School (SRJKC), History, Achievement

Pengenalan

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara berbilang kaum dan masyarakatnya pula bertutur dalam pelbagai bahasa pengantar dalam kehidupan seharian. Walaupun Bahasa Melayu harus digunakan meluas sebagai bahasa berkomunikasi di kalangan pelajar namun masih timbul situasi bila mana pelajar itu sendiri begitu kuat dipengaruhi menggunakan Bahasa Ibunda masing-masing terutamanya yang bukan Melayu. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan isu kontroversi dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pelajar Melayu mempelajari mata pelajaran Sejarah di sekolah aliran Cina. Jika diulas mengenai pendidikan Sejarah di abad ke-21 ini, tidak dinafikan ia merupakan mata pelajaran yang mempunyai fungsi tersendiri dalam menyemai nilai kesetiaan dan memupuk nilai jati diri kepada pelajar.

Permasalahan Kajian

Masalah dalam kajian ini adakah pelajar Melayu dapat menguasai penggunaan Bahasa Kedua iaitu Bahasa Mandarin (Cina) dalam mempelajari Sejarah. Sebenarnya pengajaran dan pembelajaran di sekolah aliran Cina sedikit berbeza dengan sekolah kebangsaan kerana Bahasa Ibunda mereka iaitu Bahasa Mandarin (Cina) dijadikan bahasa pembelajaran. Disebabkan itu, kebiasaannya pelajar bukan berbangsa Cina berdepan kesukaran dalam memahami sesuatu aktiviti pengajaran serta pembelajaran di SRJKC (Ngien Ming Ming & Ching Thing Ho, 2015). Situasi sebegini boleh dianggap sebagai satu cabaran bagi guru selaku pelaksana kurikulum di dalam bilik darjah bagi membantu pelajar Melayu untuk menguasai Bahasa Mandarin.

Selain itu, tahap kesediaan dan motivasi pelajar yang rendah terhadap proses mempelajari Sejarah turut menyumbang kepada isu masalah kajian ini. Situasi sebegini sudah tentu akan menjelaskan pembelajaran dan pemahaman pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Bukti ini dalam kajian Zaliza Mohamad Nasir et. al, (2014), menjelaskan bahawa tidak semua pelajar mempunyai tahap motivasi tinggi seperti mana yang diinginkan oleh guru atau ibubapa semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Sekiranya tahap kesediaan dan motivasi pelajar Melayu mempelajari Sejarah rendah sudah tentu penguasaan pembelajaran Sejarah mereka semakin sukar dicapai sekaligus mempengaruhi pencapaian di sekolah. Pembelajaran seseorang pelajar itu sangat bergantung kepada *mood* mereka, sekiranya pelajar belajar Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin (Cina) di bawah tekanan sudah pasti mereka tidak ingin mempelajari Bahasa tersebut dan pembelajaran Sejarah turut terjejas.

Sehingga kini, masalah mengenai kualiti pembelajaran di bilik darjah juga berkait dengan pencapaian akademik pelajar khususnya yang bukan berbangsa Cina. Penglibatan dan interaksi pelajar sesama rakan sekelas dan guru mempunyai pengaruh cukup besar sebagai sokongan kepada pelajar namun masalah dari segi penguasaan Bahasa Mandarin (Cina) yang rendah dalam diri pelajar bukan Cina menyebabkan penglibatan mereka kurang di dalam bilik darjah. Hal ini dibuktikan menerusi kajian Mindy Miriam Loh Leh Min & Anuar Ahmad (2018), dalam konteks pelajar di SRJKC sekiranya seseorang pelajar itu tidak dapat menguasai Bahasa Mandarin bukan sahaja akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik malah emosi dan kurang keyakinan dalam diri pelajar itu sendiri. Justeru itu, guru-guru sebagai pelaksana kurikulum di sekolah perlu sentiasa peka dan bersungguh dalam membantu meningkatkan kefahaman pelajar bukan Cina belajar di dalam bilik darjah.

Tujuan Kajian

Secara amnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Melayu mempelajari Sejarah di sekolah beraliran Cina (SRJKC) menggunakan Bahasa Mandarin (Cina) dan hubungannya dengan pencapaian.

Objektif Kajian

- 1) Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar memahami pengajaran guru Sejarah di dalam bilik darjah menggunakan Bahasa Mandarin (Cina).
- 2) Mengenal pasti tahap kesediaan pelajar menguasai Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin (Cina) dalam mempelajari Sejarah.
- 3) Mengenal pasti tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah yang diajar menggunakan Bahasa Mandarin (Cina) sebagai bahasa pengantar.

Persoalan Kajian

- 1) Apakah tahap kesediaan pelajar memahami pengajaran guru di dalam bilik darjah menggunakan Bahasa Mandarin (Cina)?
- 2) Apakah tahap kesediaan pelajar menguasai Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin (Cina) dalam mempelajari Sejarah?
- 3) Apakah tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah yang diajar menggunakan Bahasa Mandarin (Cina) sebagai bahasa pengantar?

Teori Utama Kajian

Dalam konteks kajian ini, teori utama yang digunakan ialah teori Thorndike (Hukum Kesediaan). Ia lebih berfokus terhadap pencapaian matlamat pembelajaran. Secara umum teori Thorndike menitikberatkan soal perihal tumpuan dan sikap kesedaran pelajar sama ada bersedia atau sebaliknya semasa proses pembelajaran.

Kajian Literatur

Bahagian ini membincangkan dua topik kesediaan berkait dengan perihal sedia seseorang individu dalam bertindak melakukan sesuatu perbuatan sama ada disukai mahupun sebaliknya.

Definisi Konsep Kesediaan

Menurut Thorndike (1932) kesediaan diertikan sebagai suatu rangkaian yang terikat di antara pengukuhan situasi dan gerak balas dalam suatu tindakan. Menerusi teori yang diperkenalkan ini terdapat tiga hukum asas iaitu pertama ialah hukum kesediaan, kemudian hukum kesan dan seterusnya hukum latihan. Menerusi model hukum kesediaan Thorndike ini, ia lebih berfokus terhadap pencapaian matlamat pembelajaran.

Menurut Rabiah Sikh Mohamad (2008), kesediaan belajar diertikan sebagai keadaan dalam diri pelajar sama ada betul-betul bersedia dan berkebolehan untuk memperolehi suatu pengalaman pembelajaran. Kesediaan seseorang pelajar itu dikatakan bergantung kepada aspek fizikal, sikap, tingkah laku mereka. Kajian yang dijalankan ini berfokus kepada kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran vokasional di sekolah menengah luar bandar. Dapatkan kajian menjelaskan bahawa faktor seperti minat serta sikap pelajar memainkan peranan begitu penting dalam mempengaruhi tahap kesediaan belajar pelajar di sekolah. Malah, berdasarkan analisis keputusan peperiksaan pelajar di sekolah terlibat mendapati bahawa tahap kesediaan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Peningkatan pencapaian akademik pelajar turut dipengaruhi oleh kesediaan belajar pelajar yang baik kerana mampu memberi tumpuan dan fokus untuk merangsang pemikiran semasa proses P&P dijalankan di sekolah.

Menurut Abd Rahim Hamdan & Nor Syahirah Mohd Azmi (2010), kesediaan adalah satu daya penggerak bagi menyokong seseorang pelajar untuk belajar atau bertindak melakukan sesuatu. Kesediaan pelajar itu perlulah dipupuk dan bukannya dipaksa dalam diri mereka. Hal ini kerana untuk mempupuk kesediaan pelajar untuk tertarik belajar sesuatu mata pelajaran, pelajar perlu didedahkan dengan situasi pembelajaran yang dikehendaki agar timbul minat dalam diri untuk mendalami sesuatu dipelajari dengan mendalam lagi. Hasil analisis dapatan kajian yang dijalankan ini telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Kejuruteraan menggunakan Bahasa Inggeris masih berada pada tahap sederhana. Menurut kajian tersebut lagi, tahap kesediaan yang tinggi dalam diri pelajar memainkan peranan penting bagi mendorong pelajar menguasai proses P&P dengan mendalam sekaligus membantu mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Secara keseluruhannya, penguasaan yang baik terhadap kemahiran berbahasa Inggeris mampu mempengaruhi tahap kesediaan pelajar untuk benar-benar bersedia belajar.

Kesediaan Menguasai Bahasa Kedua

Berdasarkan pembacaan terhadap kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik luar negara, Qi Zhang dari Dublin City University. Qi Zhang (2013) menjalankan kajian mengenai sikap pelajar di Northwest England ke arah kepekaan terhadap penggunaan Bahasa Mandarin dan budaya apabila berada di luar negara. Menariknya, menerusi kajian ini faktor utama yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran sesuatu Bahasa adalah disebabkan oleh motivasi untuk belajar dan sikap ibubapa mempengaruhi kesediaan anak-anak mereka dalam mempelajari Bahasa Mandarin. Menurut dapatan kajian beliau ini mendapati rata-rata pelajar ditemu bual menunjukkan kebolehan mereka dalam berbahasa Mandarin. Meskipun terdapat juga sebahagian responden yang tidak lagi lazim dalam menggunakan Bahasa Mandarin. Menerusi kajian ini faktor utama yang mempengaruhi sikap pelajar terhadap pembelajaran sesuatu Bahasa adalah disebabkan oleh motivasi untuk belajar. Hasil dapatan kajian ini turut menyatakan bahawa sikap ibubapa boleh mempengaruhi kesediaan anak-anak mereka dalam mempelajari Bahasa Mandarin.

Selain itu, Micheal Lessard Clouston (2014) telah melakukan kajian mengenai strategi pembelajaran Bahasa berfokus kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Kedua. Dalam kajian tersebut telah dipertimbangkan beberapa isu praktikal dan pendekatan untuk menjawab isu pengajaran Bahasa Kedua. Antaranya menyediakan bahan pengajaran, strategi pengajaran, guru disarankan untuk melakukan refleksi dan sentiasa mengulangi teknik dalam pedagogi. Kajian ini dilihat mempunyai sedikit persamaan menerusi aspek motivasi kerana aspek tersebut dipercayai turut mampu mempengaruhi perihal langkah sedia pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Justeru itu, kajian ini dilihat mempunyai sedikit persamaan menerusi aspek motivasi kerana aspek tersebut dipercayai turut mampu mempengaruhi perihal langkah

sedia pelajar untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran. Sesungguhnya dalam konteks kajian ini, faktor motivasi turut berkait dalam membantu meningkatkan kefahaman dalam pembelajaran pelajar. Secara profesionalnya, motivasi pelajar ini tidak dimanipulasikan dengan mana-mana proses sebaliknya motivasi inilah yang akan membantu menggalakkan pelajar dalam menguasai pembelajaran Bahasa kedua seterusnya turut memudahkan proses pembelajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah.

Di samping itu, menerusi penelitian kajian oleh Chew Fong Peng (2016) turut meninjau isu mengenai Bahasa Melayu yang dipelajari oleh pelajar sekolah rendah aliran Cina. Menurut beliau, untuk menguasai penggunaan Bahasa kedua, dorongan daripada persekitaran seseorang itu turut memainkan peranan bagi melancarkan sesuatu proses pembelajaran Bahasa. Dalam hal ini jelas untuk menguasai kemahiran lisan Bahasa Kedua pelajar, mereka perlu memberi penekanan terhadap aktiviti pembacaan untuk memudahkan penguasaan kemahiran Bahasa Kedua yang dipelajari di sekolah. Berdasarkan analisis dapatan kajian ini, faktor-faktor seperti minat terhadap mata pelajaran, faktor persekitaran dan faktor kemahiran berbahasa menjadi punca yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan pelajar Cina dalam mempelajari Bahasa Melayu. Dalam hal ini jelas untuk menguasai kemahiran lisan Bahasa Kedua pelajar, mereka perlu memberi penekanan terhadap aktiviti pembacaan untuk memudahkan penguasaan kemahiran Bahasa Kedua yang dipelajari di sekolah. Justeru itu, faktor-faktor seperti minat terhadap mata pelajaran, faktor persekitaran dan faktor kemahiran berbahasa menjadi punca yang boleh mempengaruhi tahap kesediaan pelajar Cina dalam mempelajari Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng ini boleh dikatakan mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang hendak dijalankan terhadap tahap kesediaan pelajar Melayu di SRJKC dalam mempelajari Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin. Walaupun ia sukar untuk dikuasai justeru usaha serta dorongan individu terdekat di sekolah, kemudian ibubapa memainkan peranan penting dalam hal sebegini. Buktinya dalam hasil kajian ini menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran terhadap Bahasa Melayu di sekolah aliran Cina harus diperbaiki. Kemudian guru harus memainkan peranan untuk memupuk minat pelajar belajar Bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua. Peranan ibubapa juga tidak terkecuali dalam hal ini dalam usaha memotivasi anak-anak mempelajari Bahasa Kedua. Sekiranya kemahiran dan pemahaman pelajar tidak didapat dalam keadaan baik kesannya turut akan mempengaruhi pencapaian pelajar di sekolah.

Seterusnya, Ngien Ming Ming & Ching Thing Ho (2016) dalam kajian mereka mengenai masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Cina yang dihadapi oleh pelajar bumiputera di negeri Sarawak. Menerusi kajian ini, didapati walaupun pelajar bumiputera bukan penutur jati namun terbukti mereka juga mampu bergaul serta berkomunikasi dengan harmoni di sekolah aliran Cina. Menunjukkan bahawa faktor yang mendorong pelajar bumiputera untuk bersekolah di SRJKC banyak dipengaruhi oleh aspek kemudahan dan infrastruktur sekolah, faktor keinginan ibubapa pelajar sendiri. Turut diperkatakan faktor kehidupan keluarga turut berpotensi mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar. Isu tersebut dipercayai turut mempengaruhi proses pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Jika difahami pula situasi konteks kajian tahap kesediaan pelajar Melayu mempelajari sejarah di sekolah aliran Cina, latar belakang penguasaan Bahasa di kalangan pelajar Melayu turut mempengaruhi pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Sejarah. Selain daripada itu, aspek seperti tahap keupayaan dan faktor keadaan ekonomi sesebuah keluarga tidak mustahil turut mempengaruhi tahap pendidikan serta kemajuan pembelajaran pelajar Melayu di sekolah. Oleh itu, kesediaan seseorang pelajar yang bukan penutur jati bagi sesuatu Bahasa

terbukti memberi kesan terhadap minat, proses pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.


Loh Chee Hou & Ang Lay Hoon (2016) yang mengkaji mengenai “Hubungan Kemahiran Regulasi dan Pemahaman Teks dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina”. Menerusi penulisan tersebut, isu berbangkit yang menyentuh soal tahap kemahiran regulasi iaitu proses mengaktifkan kemahiran berfikir, perilaku dan perasaan untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu di kalangan pelajar Tahun 6 SRJKC dan hubungannya dengan tahap kefahaman pelajar terhadap buku teks Bahasa Mandarin (Cina). Menurut pengkaji lagi, dipercayai kemahiran pelajar untuk memahami sesuatu hasil daripada pembacaan sebenarnya berpotensi dalam meningkatkan kefahaman semasa proses pembelajaran di dalam bilik darjah sekaligus memajukan pencapaian akademik. Jelas dalam dapatan kajian yang dijalankan ini menunjukkan majoriti responden yang disoal selidik mengamalkan dan mengaplikasikan kemahiran regulasi dalam mempelajari Bahasa Cina. Kesediaan yang ada pada diri pelajar membantu mereka menguasai kemahiran berfikir dan meningkatkan kefahaman terhadap teks dalam Bahasa Mandarin. Kajian beliau ini sependedapat dengan Faridah (2015), yang berpendapat bahawa terdapat hubungan positif melibatkan kefahaman pelajar hasil pembacaan dan juga pencapaian akademik di sekolah. Jelas ini bermakna semakin tinggi tahap penguasaan kemahiran regulasi pelajar makan semakin tinggi potensi pelajar memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan.

Chan May Leng (2013) dalam kajiannya juga ada menyentuh soal pembelajaran pelajar Melayu dalam mempelajari Bahasa Mandarin dan ia dijalankan dalam bentuk kajian kes. Tajuk kajian ini adalah tentang “Penggunaan Partikel Bahasa Mandarin iaitu “Le” di Kalangan Pelajar Melayu”. Menerusi penelitian penulisan ini, didapati bahawa partikel –le merupakan aspek penggunaan penting di dalam penulisan struktur tatabahasa bahasa Mandarin (Cina). Senario ini menjadi cabaran kepada pelajar Melayu untuk memahami sekaligus menguasai kemahiran lisan dan menulis Bahasa kedua. Jelas pelajar mengalami kesukaran memahami tatabahasa tersebut apabila mempelajari Bahasa kedua yang dianggap lebih sukar dikuasai berbanding bahasa ibunda. Secara tidak langsung masalah sebegini turut mendatangkan masalah terhadap pelajar Melayu dalam usaha mempelajari mata pelajaran lain termasuk Sejarah di bilik darjah. Menerusi penelitian seperti itulah dapat diketahui sama ada penguasaan tatabahasa partikel –le berkait dalam mempengaruhi pencapaian kumpulan pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam Bahasa Mandarin. Namun pelajar Melayu masih lemah mengaplikasikan penggunaan –le pada struktur belakang ayat. Berdasarkan analisis penyelidikan ini, didapati bahawa kemahiran terhadap penggunaan tatabahasa Bahasa Mandarin di kalangan pelajar Melayu berpotensi mempengaruhi pencapaian pelajar itu sendiri. Sedangkan pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi masih berdepan kesukaran menguasai kemahiran dalam Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin maka tidak mustahil isu yang dihadapi tersebut turut dialami oleh pelajar Melayu di SRJKC.

Selain daripada itu, Asmahani Zainal Abidin (2009) juga merupakan penyelidik yang mengkaji mengenai pembelajaran pelajar Melayu di sekolah aliran Cina (SRJKC). Tajuk kajiannya ialah “Faktor-faktor yang Mendorong Ibubapa Berketurunan Melayu Menghantar Anak Mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) di Daerah Johor Bahru”. Hasil kajian beliau menunjukkan terdapat faktor dalaman dan faktor luaran mempengaruhi sikap pemilihan ibubapa berketurunan Melayu. Selain faktor guru, aspek seperti kemudahan infrastruktur, pemupukan sikap serta nilai murni semasa proses pengajaran, penekanan terhadap sikap pelajar untuk belajar bahasa Mandarin dan kesemua ini menjadi faktor-faktor yang berjaya dikenal pasti di kalangan ibubapa pelajar Melayu mengapa mereka menghantar anak untuk bersekolah

di SRJKC. Faktor sikap guru mendapat peratusan tertinggi dalam kajian ini, jelas bahawa ibubapa berketurunan Melayu memilih SRJKC disebabkan oleh keyakinan mereka terhadap sistem pembelajaran di sekolah aliran Cina lebih sistematik dapat membantu meningkatkan tahap kecemerlangan akademik anak-anak. Hal ini kerana berdasarkan kajian ini, difahamkan bahawa guru-guru di SRJKC lebih kreatif dalam soal pembelajaran pelajar di kelas.

Kerangka Konsep Kajian



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Sumber: Sumber Diadaptasi Kemudian Diubah Suai Daripada Model Kesediaan Thorndike 1932.

Kerangka Kajian



Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Kemudian pengumpulan data disokong menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh sebab itu, sebarang maklumat dan informasi yang diperolehi melalui kajian kes berguna menjelaskan suatu permasalahan kehidupan nyata yang dihadapi oleh masyarakat. Menerusi kajian berbentuk kajian kes, ia akan membantu pengkaji dalam usaha meneliti sesuatu permasalahan kajian dengan mendalam walaupun hanya bersandarkan kepada penggunaan jumlah sampel yang sedikit (Noraini Idris, 2010).

Persampelan dan Sampel

Pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kaedah persampelan bertujuan ini amat bersesuaian untuk mendapatkan maklumat daripada responden spesifik yang telah

ditentukan dan tidak mampu diperolehi daripada orang lain. Menurut Leedy & Ormrod (2005), menerusi kaedah ini individu yang hendak ditemui bual dipilih berdasarkan bidang kepakaran dan kemahiran mereka terhadap sesuatu isu yang hendak dikaji. Dari sudut pemilihan peserta kajian ini, sampel terdiri daripada pelajar SRJKC Tahun 6 yang berbangsa Melayu. Kajian melibatkan 6 orang pelajar Melayu di Tahun 6.

Populasi

Menurut Arikunto (2013), mendefinisikan populasi sebagai keseluruhan daripada peserta atau subjek yang hendak dijadikan sebagai penelitian. Pemilihan populasi mestilah memiliki sifat yang sama walaupun persamaan itu sedikit. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah beraliran Cina di SRJKC.

Instrumen Kajian

Pengumpulan data bagi kajian ini menggunakan temu bual. Semasa pengumpulan data dijalankan, temu bual berbentuk separa berstruktur telah dipilih. Berdasarkan soalan temu bual tersebut, aspek yang di temu bual merangkumi bahagian pertama tentang minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Kemudian bahagian kedua tentang tahap kesediaan pelajar Melayu mempelajari Sejarah yang diajar menggunakan Bahasa Mandarin. Disusuli pula bahagian ketiga dengan soalan tentang tahap kesediaan pelajar untuk menguasai penggunaan Bahasa Mandarin sebagai Bahasa kedua pelajar di SRJKC dan bahagian terakhir mengenai pendapat pelajar untuk mengetahui adakah wujud kaitan antara minat pelajar dan pencapaian di dalam mata pelajaran Sejarah.

Perancangan yang teliti serta terperinci penting untuk mengelakkan berlaku risiko kesilapan semasa menjalankan kajian. Oleh sebab itu, pengkaji telah membuat kelulusan daripada pihak universiti dan pensyarah terlebih dahulu. Tujuannya untuk mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian luar daripada universiti. Seusai itu, perancangan untuk mengadakan temu janji dengan guru Sejarah di sekolah tersebut dirancang dengan sebaiknya. Selepas itu pengkaji memulakan proses pengutipan dan mengumpul data untuk dianalisis. Sebelum mengakhiri temu bual, pengkaji memaklumkan kepada peserta kajian bahawa segala maklumat dan identiti mereka adalah dirahsiakan mengikut kehendak etika penyelidikan.

Analisis Data

Creswell (1998) menjelaskan bahawa prosedur analisis data seharusnya mengikut prosedur seperti melibatkan proses meringkas, mengekod, mengklasifikasi dan mentafsir data maklumat. Data-data daripada kajian berbentuk kualitatif diperolehi daripada hasil temu bual atau analisis dokumen. Justeru itu, keperluan utama seperti telefon dan perakam suara disediakan kerana peralatan elektronik tersebut berfungsi untuk merekod dan merakam apa yang dilontarkan oleh peserta kajian sebagai bukti perbualan telah dirakam. Setelah itu, proses menganalisis data bentuk transkrip dipindahkan ke komputer seperti melibatkan proses seperti menyimpan dan menyusun data.

Dapatan Kajian

Mengenal Pasti Tahap Kesediaan Pelajar Melayu Memahami Pengajaran Guru di dalam Bilik Darjah Menggunakan Bahasa Mandarin

Jadual 1: Data Mengenai Fokus Pelajar Memahami Semasa Guru Mengajar Sejarah

Pelajar 1 (L)	“Boleh fokus jadi mudah faham kak dan saya sebenarnya minat sejarah kak, sebab itu bila dalam kelas saya suka bising sikit”.
Pelajar 2 (P)	“hmm tak seberapa minat kak. Ada yang saya faham dan ada separuh yang saya tidak faham kak, apa cikgu kami ajar”.
Pelajar 3 (P)	“Ya saya minat kak. Saya faham apa cikgu ajar. Untuk fokus saya selalu beri tumpuan je lah masa guru Sejarah mengajar. Lepas tu saya tak faham saya akan Tanya cikgu”.
Pelajar 4 (P)	“Minat juga kak (Senyum). Bila kelas sejarah saya tidak buat kerja lain semasa guru mengajar. Tu je boleh buat saya fokus”.
Pelajar 5 (P)	“Tak minat lah kak, apa cikgu ajar pun saya tak faham sampaikan kadang-kadang rasa nak tidur di belakang (pelajar gelak)”.
Pelajar 6 (P)	“Tidak minat kak. Saya kurang faham. Apa cikgu ajar saya tidak dapat memahami. Lepas tu Bahasa Mandarin kan kak, saya tak faham sangat”.

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Berdasarkan data yang diperoleh telah menunjukkan bahawa tiga daripada enam orang pelajar Melayu keseluruhan yang ditemu bual adalah memiliki tahap kesediaan yang tinggi dalam memahami Sejarah. Buktinya, pelajar menjelaskan bahawa mereka aktif dalam kelas mata pelajaran Sejarah, memberi tumpuan semasa guru mengajar, berani bertanya dengan guru apabila tidak faham dan tidak membuat kerja lain semasa guru mengajar agar dapat fokus di dalam kelas. Namun begitu, tiga pelajar lagi ternyata kurang memahami penyampaian guru Sejarah. Buktinya, gagal fokus semasa guru mengajar sehingga rasa ingin tidur di dalam kelas, tidak minat dengan subjek Sejarah dan tidak mampu memahami penyampaian guru Sejarah yang mengajar menggunakan Bahasa Mandarin. Keseluruhan dalam bahagian ini ternyata tahap kesediaan pelajar untuk fokus mempelajari Sejarah semasa guru mengajar di dalam kelas masih berada pada tahap sederhana atau kurang memuaskan.

Jadual 2: Data Mengenai Komitmen Pelajar Memahami Isi Kandungan Pelajaran Sejarah

Pelajar 1 (L)	“Selalu siapkan kerja sekolah saya faham je apa yang saya baca. Bila ada sesuatu tak faham saya akan bertanya dengan cikgu atau kawan-kawan”.
Pelajar 2 (P)	“Saya tak bagi tumpuan pun masa cikgu mengajar”. “Saya tak berapa faham sebab cikgu ajar guna Bahasa Mandarin. Jadi bila membaca saya rasa susah sangat”.
Pelajar 3 (P)	“Saya selalu buat ulangkaji Sejarah kak, sebab mak abah selalu pesan Sejarah mata pelajaran penting juga”.
Pelajar 4 (P)	“hmmm siapkan kerja rumah?” saya tak mampu nak siapkan semua cikgu bagi”. “Saya kadang lihat buku kawan (senyum)”.
Pelajar 5 (P)	“Sebenarnya saya kurang baca buku teks Sejarah kak”. “Saya tak berapa pandai membaca dalam Mandarin, Bahasa Melayu saya boleh baca cepat”.

Pelajar 6 (P)	<i>“Tak baca buku teks pun kak, saya cuma akan belajar bila cikgu buat kelas tambahan turun petang”.</i>
---------------	--

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Berdasarkan jawapan dari pelajar, hasil temu bual menjelaskan tahap kesediaan pelajar untuk memahami isi kandungan mata pelajaran Sejarah melalui pembacaan berada di tahap yang lemah. Keputusannya terbukti apabila empat daripada enam orang pelajar Melayu yang ditemu bual menunjukkan komitmen yang rendah untuk berusaha memahami isi kandungan pembelajaran Sejarah mereka. Apabila ditanya, pelajar mengakui gagal memberi tumpuan semasa cikgu mengajar kerana menggunakan Bahasa Mandarin, pelajar turut mengadu bahawa berdepan kesukaran untuk membuat tugas kerja sekolah yang diberikan, pelajar menyatakan bahawa dia kurang membaca buku teks kerana tidak fasih menggunakan tatabahasa Bahasa Mandarin dan pelajar menyatakan alasan bahawa tidak membaca buku teks sebaliknya hanya membuat ulangkaji Sejarah semasa kelas tambahan. Manakala dua orang pelajar Melayu lagi menyatakan kesungguhan komitmen mereka, di mana pelajar menyatakan selalu melaksanakan tugas kerja sekolah di rumah. Seterusnya, pelajar juga mengakui bahawa selalu membuat ulangkaji Sejarah sendiri atas dorongan ibubapa di rumah.

Jadual 3: Data Mengenai Inisiatif Pelajar Mempelajari Sejarah.

Pelajar 1 (L)	<i>“Ada kak. Macam saya, saya suka bergaul dengan kawan-kawan lain.” “Ha’ah kawan-kawan cina. Saya rasa okey boleh menggunakan Bahasa Mandarin dan kawan boleh bantu saya”.</i>
Pelajar 2 (P)	<i>“Tak kak. Saya rasa susah sangat”</i>
Pelajar 3 (P)	<i>“Mak dengan abah hantar saya ke kelas tuisyen. Dekat kelas tu pun teacher boleh bantu saya supaya membaca lepas tu menulis dalam Bahasa Mandarin”.</i>
Pelajar 4 (P)	<i>“Saya selalu ingin berkawan dengan kawan-kawan cina kak. Jadi saya bercakap Bahasa Mandarin dan belajar Sejarah sama-sama”.</i>
Pelajar 5 (P)	<i>“Takde kak. Saya tak berapa pandai belajar Bahasa Mandarin kak. Cikgu ajar dalam kelas pun saya susah untuk faham, saya rasa susah sangat nak faham”.</i>
Pelajar 6 (P)	<i>“Ye ada sebab saya suka bila cikgu suruh turun kelas petang”. “Ye kak saya boleh belajar sambil main-main dengan kawan”.</i> (ketawa)

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Secara keseluruhannya, tahap kesediaan pelajar dalam aspek ini ternyata berada di tahap tinggi. Analisis jawapan pelajar menjelaskan terdapat empat orang pelajar di kalangan mereka yang pandai menggunakan Bahasa Mandarin dan mudah bergaul untuk belajar. Kemudian, pelajar menghadiri kelas tuisyen agar mampu menguasai kebolehan membaca dan menulis menggunakan Bahasa Mandarin dalam mata pelajaran Sejarah dan menghadiri kelas tambahan guru di waktu petang. Manakala terdapat dua orang pelajar lagi menyatakan bahawa tidak berupaya memahami dan susah mempelajari Sejarah, tidak berupaya untuk menguasai kemahiran berbahasa Mandarin, sukar memahami pembelajaran Sejarah dan menjawab soalan Sejarah. Kesimpulan yang boleh dibuat daripada tahap kesediaan pelajar di tahap yang tinggi dalam aspek ini dan rata-rata peserta kajian menunjukkan sikap positif dalam usaha mereka melakukan inisiatif sendiri untuk mempelajari Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin.

Mengenal Pasti Tahap Kesediaan Pelajar Menguasai Bahasa Kedua Iaitu Bahasa Mandarin Untuk Mempelajari Sejarah

Jadual 4: Data Mengenai Kesediaan Pelajar Menguasai Bahasa Kedua Iaitu Bahasa Mandarin Untuk Mempelajari Sejarah

Pelajar 1 (L)	“Bagi saya kak, guna je Bahasa Mandarin apabila bertutur dengan guru dan kawan-kawan di sekolah ni”. “Saya boleh bergaul dengan baik, tiada masalah kak”.
Pelajar 2 (P)	“Tak pasti kak. Saya tidak dapat menguasai pembelajaran Bahasa Mandarin (Cina) ni”.
Pelajar 3 (P)	“Ada kak, saya ulangkaji belajar menjawab soalan supaya tidak gagal dalam peperiksaan Bahasa Mandarin”. (nada suara bertukar perlahan)
Pelajar 4 (P)	“Saya kurang faham nak membaca dalam Bahasa Mandarin kak. Kalau Bahasa Melayu saya baca lah”.
Pelajar 5 (P)	“Saya tak baca buku teks pun. Saya rasa susah sangat Bahasa Mandarin, lepas tu ayat panjang kak”.
Pelajar 6 (P)	“Saya lemah Bahasa Mandarin, cikgu ajar pun saya kurang faham. Sebab tu saya suka tanya dengan kawan-kawan”.

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Hasil dapatan data menunjukkan bahawa kesediaan pelajar Melayu menguasai Bahasa Mandarin sebagai Bahasa kedua adalah berada pada tahap lemah. Apabila hanya dua daripada enam orang pelajar Melayu keseluruhannya menyatakan perihal sedia dan kesungguhan mereka untuk mempelajari Bahasa Mandarin. Buktinya, pelajar menyatakan bahawa melalui cara bergaul dengan baik bersama guru dan kawan-kawan sekolah sedikit sebanyak membantu pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi Bahasa Mandarin. Kemudian, pelajar rajin membuat ulangkaji menjawab soalan. Berdasarkan pemerhatian, percakapan menunjukkan mereka dapat bertutur dan berkomunikasi dengan fasih menggunakan Bahasa Mandarin di sekolah. Namun begitu, empat orang pelajar Melayu lagi menghadapi masalah untuk memahami pembelajaran menggunakan Bahasa Mandarin. Buktinya, pelajar menjelaskan kurang faham membaca menggunakan Bahasa mandarin berbanding Bahasa Melayu, pelajar tidak membaca buku teks kerana Bahasa Mandarin itu susah dan pelajar lemah dalam mata pelajaran Bahasa Mandarin. Namun dalam masa yang sama faktor penguasaan Bahasa ibunda iaitu Bahasa Melayu sudah menjadi kebiasaan bagi pelajar Melayu di SRJKC sehingga turut mempengaruhi penguasaan dan kemajuan mereka terhadap Bahasa Mandarin.

Mengenal Pasti Tahap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah Yang Diajar Menggunakan Bahasa Mandarin Sebagai Bahasa Pengantar

Jadual 5: Data Mengenai Keputusan Peperiksaan Percubaan Akhir (Dijalankan Pada Tahun 2018)

Pelajar	Markah Sejarah	Gred
Pelajar 1 (L)	92	A
Pelajar 2 (P)	50	C
Pelajar 3 (P)	87	A
Pelajar 4 (P)	65	B
Pelajar 5 (P)	54	C
Pelajar 6 (P)	58	C

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Berdasarkan jadual di atas, dapat dirumuskan pencapaian majoriti peserta kajian ini berada pada tahap sederhana. Di mana sebahagian daripada enam orang pelajar Melayu mendahului jumlah terbanyak mendapat gred “C”. Hasil daripada dapatan kajian menjelaskan sebenarnya pencapaian pelajar ini mempunyai kaitan dengan penguasaan kemahiran pelajar seperti membaca, menulis seterusnya menguasai tatabahasa Bahasa Mandarin, fokus belajar di dalam kelas, minat dan kefahaman terhadap pembelajaran Sejarah. Selebihnya, disusuli dengan dua orang pelajar pula berada di tahap cemerlang apabila berjaya mendapat gred “A” dalam mata pelajaran Sejarah. Kelihatan dua orang pelajar ini mampu menguasai kemahiran menulis, rajin membuat ulangkaji dan berupaya berkomunikasi menggunakan Bahasa Mandarin dengan baik di sekolah. Kemudian, satu orang pelajar lagi berada di tahap baik dengan memperolehi gred “B”. Sikap pelajar ini memainkan peranan cukup besar bagi membolehkan mereka memahami setiap apa yang dipelajari dalam Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin di sekolah aliran Cina.

Analisis Pelajar Mengenai Hubungan di Antara Penguasaan Bahasa Mandarin Pelajar Melayu dan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah

Pelajar 1 (L)	<i>“Ye kak, bila boleh kuasai Bahasa Mandarin pelajar mudah je faham apa yang diajar dalam mata pelajaran Sejarah. Lagi pula di sekolah sini Bahasa Mandarin sebagai Bahasa Pengantar, cikgu dengan kawan-kawan dekat sekolah sini cakap Bahasa Mandarin”.</i>
Pelajar 2 (P)	<i>“Mungkin juga kak”.</i>
Pelajar 3 (P)	<i>“Bagi saya memang ada kaitan kak, erm sebab belajar Sejarah kena membaca lepas itu fahamkan apa kita baca. Cikgu pula mengajar Sejarah dalam Bahasa Mandarin, jadi bila tak mahir membaca, menulis, bertutur susah sikit lah nak belajar Sejarah juga”.</i>
Pelajar 4 (P)	<i>“Saya pun tak pasti sangat lah kak”.</i>
Pelajar 5 (P)	<i>“Mungkin juga kak, saya lemah dalam mata pelajaran Cina. Sukar saya nak faham dengan jelas”.</i>
Pelajar 6 (P)	<i>“Susah lah kak sebab saya pun tak mahir dalam Bahasa Mandarin, bila belajar Sejarah saya jadi lambat sikit nak faham ayat sebab itu saya suka belajar bila ada kawan-kawan”.</i>

Sumber: Transkrip Temu bual Pelajar Melayu Di Sekolah Aliran Cina

Analisis dibuat menunjukkan bahawa kebanyakkan pelajar bersetuju sekiranya lemah dalam penguasaan Bahasa Mandarin sebagai Bahasa kedua maka pencapaian dalam mata pelajaran juga akan merosot. Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar seperti tidak mahir membaca dan menulis menggunakan struktur ayat Bahasa Mandarin, lemah dalam pembelajaran Bahasa Mandarin, sukar memahami makna ayat yang dibaca menggunakan Bahasa Mandarin dan pelajar lebih cenderung menggunakan Bahasa ibunda iaitu Bahasa Melayu dipercayai menimbulkan sedikit masalah dalam pembelajaran Bahasa kedua mereka. Namun, kelihatan faktor keluarga dan persekitaran pelajar itu sendiri juga mempengaruhi tahap kemajuan pembelajaran Bahasa kedua mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tahap kesediaan pelajar Melayu belajar Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin masih berada di tahap sederhana.

Perbincangan

Secara keseluruhan kajian, dapatkan membuktikan bahawa tahap kesediaan pelajar Melayu dalam mempelajari Sejarah menggunakan Bahasa Mandarin masih lagi berada di tahap yang sederhana dan kurang memuaskan. Hakikatnya kesediaan pelajar adalah suatu kemahiran yang menjadi elemen penting dalam membantu penerimaan proses pembelajaran Sejarah

menggunakan Bahasa Mandarin. Hal ini turut dibuktikan dalam kajian Mai Shihah Abdullah & Norman Mat Nor (2014), menyatakan bahawa kesediaan seseorang pelajar dalam pembelajaran sememangnya amat berkait dengan faktor minat, sikap serta motivasi diri pelajar. Untuk mempelajari Sejarah menggunakan Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin sememangnya memerlukan penguasaan pelajar terhadap Bahasa tersebut bagi membolehkan mereka memahami setiap apa yang didengar secara lisan. Hal ini selari dalam kajian Chew Fong Peng (2016), mendapati keupayaan membaca dan memahami teks adalah asas kemahiran yang perlu diajar untuk mencapai objektif sesuatu mata pelajaran.

Selain itu, tahap kesediaan pelajar untuk menguasai Bahasa kedua iaitu Bahasa Mandarin masih berada di tahap yang rendah di kalangan pelajar Melayu. Pelajar menyatakan alasan bahawa kurang mahir, lemah dalam pembelajaran Bahasa Mandarin dan sukar memahami ayat bacaan dalam Bahasa Mandarin. Dapatan kajian ini turut selari dengan kajian Chan May Leng (2013) menjelaskan bahawa wujud perbezaan yang begitu ketara di antara Bahasa Melayu (Bahasa ibunda) dan Bahasa Mandarin (Bahasa kedua). Analisis kajian ini didapati sejajar dengan keseluruhan kajian yang dijalankan oleh Lee Chee Hau & Ang Lay Hoon (2016), menyatakan bahawa sebarang kekangan yang dihadapi oleh pelajar menyebabkan berlaku penyusutan terhadap keyakinan pada diri pelajar dan memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Begitu juga situasinya terhadap pelajar Melayu yang mempelajari sejarah menggunakan Bahasa Mandarin, sikap positif sebahagian pelajar yang gemar bertutur dengan Bahasa Mandarin bersama guru, rakan dan banyak membuat ulangkaji serta pembacaan, belajar bersama-sama dengan rakan berlainan etnik membolehkan mereka menguasai pembelajaran Sejarah dengan baik.

Bukan itu sahaja, dapatan kajian juga mendapati tahap pencapaian pelajar melayu di SRJKC dalam mata pelajaran Sejarah adalah sederhana. Tambahan pula, Bahasa Mandarin dijadikan sebagai Bahasa pengantar utama untuk berkomunikasi, berbincang dan mengutarakan idea semasa proses pembelajaran. Rata-rata pelajar yang di temu bual menjelaskan mereka berdepan masalah-masalah seperti tidak mahir membaca dan menulis menggunakan struktur ayat Bahasa Mandarin, lemah dalam pembelajaran Bahasa Mandarin dan sukar memahami makna ayat yang dibaca menggunakan Bahasa Mandarin. Dapatan ini turut menyerupai hasil dapatan kajian Leni & Melly (2014) menyatakan bahawa proses pembelajaran pelajar akan merosot jika mereka atau tidak memiliki kemahiran seperti membaca, menulis dan berfikir dalam suatu pembelajaran. Manakala faktor luaran seperti sokongan ibubapa, pengaruh rakan dan guru dan faktor dalaman seperti minat dan sikap pelajar itu sendiri turut menyumbang kepada pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Kesimpulan

Sebagai penutup, kajian dijalankan ini telah berjaya mengenal pasti tahap kesediaan pelajar Melayu mempelajari Sejarah di SRJKC menggunakan Bahasa Mandarin. Dapatan keseluruhan turut membuktikan bahawasanya penguasaan seseorang pelajar dalam berbahasa Mandarin mempunyai hubungan dalam mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar dalam suatu mata pelajaran. Tahap kesediaan pelajar yang rendah terhadap pembelajaran dan penguasaan Bahasa Mandarin juga boleh menyebabkan minat pelajar melayu mata pelajaran akan berkurangan, mungkin juga akan terus hilang jika tidak diatasi dengan sebaiknya. Bukan itu sahaja, dapatan keseluruhan dari aspek kesediaan pelajar untuk memahami pengajaran guru Sejarah di sekolah dan tahap pencapaian pelajar melayu bagi mata pelajaran Sejarah kedua-dua juga berada di tahap yang sederhana.

Rujukan

- Anuar Ahmad, Sitti Haishah Abd Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajar Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 53-66.
- Asmahani Zainal Abidin. (2009). Faktor-faktor yang Mendorong Ibubapa Berketurunan Melayu Menghantar Anak Mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Daerah Johor Bahru. *Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia*.
- Azmil Hashim. (2015). Isu-isu Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) alam Negeri Perak. *Journal of Islamic and Arabic Education* 7(2), 17- 25.
- Clouston, M. L. (2014). Language Learning Strategies: An Overview For L2 Teachers. Japan: Kwansei Gakuin University.
- Hou, C. H., & Hoon, A. L. (2016). Hubungan Kemahiran Regulasi Pelajar dan Pemahaman Teks Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina. *Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: Universiti Putra Malaysia*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kia, L. S. et al., (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina Dalam Menggalakkan Interaksi Pelajar Berbilang Kaum. *Journal of Language Studies* 12(3), 979-997.
- Leng, M. L. (2013). Penggunaan Partikel Bahasa Mandarin “Le” Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes. *Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya*.
- Ming, N. M., & Ho, C. T. (2015). Pembelajaran Bahasa Cina di SJK(C): Kajian Kes Pelajar Bumiputera di Negeri Sarawak. *Journal of Chinese Literature and Culture*, 63-83.
- Mohd Faizal Mat Pesa et al., (2017). Tahap Penggunaan Bahasa Melayu dan Interaksi Sosial Dalam Kalangan Pelajar di SMJK(C) Negeri Melaka. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial* 8(1), 2289-7356.
- Mohd Samsudin & Shahizan. (2012). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy* 39(2), 116-141.
- Tamam Timbang et al., (2010). Masalah Membaca Murid-murid Sekolah Rendah Kerajaan di Brunei Darussalam: Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2), 77 85.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jabatan Bahasa Melayu: Universiti Putra Malaysia*.
- Zarina Abdul Rashid. (2016). Tahap Kesediaan Guru dalam Aspek Pengetahuan dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*:
- Zhang, Q. (2013). The Attitudes of Students in The Northwest of England Towards Mandarin Chinese and Their Intercultural Sensitivity. *Journal of Second and Multiple Language Acquisition* 3(1), 21-37.